

## Dua PBT nafi beli anugerah

GEORGETOWN- Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menafikan dakwaan membeli anugerah daripada Europe Business Assembly (EBA) pada 2013.

Datuk Bandar MBPP, Datuk Maimunah Sharif berkata, sebelum menyertai pertandingan 'The Best Cities' dan 'The Best Municipal Managers' pada 2013, pihaknya telah mendapat kebenaran daripada kerajaan negeri.

Katanya, pada masa itu tidak nampak sesuatu yang mencurigakan kerana terdapat PBT dari negeri lain, pusat pengajian, agensi kerajaan dan orang perseorangan menerima anugerah pada Julai 2013

dan 2014 di Switzerland.

"Kami anggap anugerah diterima satu pengiktirafan berprestij berdasarkan beberapa kriteria antaranya tahap kepuasan penduduk, perkembangan ekonomi, dasar pengurusan PBT, pendidikan, pengangkutan awam dan kemudahan asas yang lain,"katanya.

Maimunah berkata, pihaknya membuat pembayaran sebanyak RM20, 680 manakala MPSP membayar RM18,408 bagi melayakkan mengambil bahagian.

Beliau berkata demikian pada sidang media menjelaskan dakwaan sebuah akhbar berbahasa Cina yang mendakwa anugerah dikeluarkan EBA boleh dibeli dengan wang.

Susulan daripada itu, Adun Pulau Betong, Datuk Muhammad Farid Saad menggesa kerajaan negeri menjawab dakwaan itu apabila MPSP dan MBPP pernah menerima anugerah tersebut.

Muhammad Farid berkata, menurut laporan media Britain, anugerah seumpama itu dijual oleh sebuah badan meragukan iaitu EBA dan beliau turut menuntut penjelasan dari kerajaan negeri sama ada dana awam digunakan oleh kedua-dua PBT tersebut.

Pengarah Korporat dan Perhubungan Antarabangsa MPSP, Siti Haslinda Hasan hadir mewakili Yang Dipertua MPSP, Rozali Mohamad.



Maimunah (kanan) dan Siti Haslinda menunjukkan keterangan menafikan pembelian anugerah oleh kedua-dua PBT itu.